

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(V)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

4. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah melancarkan Program *Smart Cities*?
  - (a) Nyatakan pelan tindakan dan pendekatan bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Smart Cities*".

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa menjelang tahun 2025, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memulakan inisiatif di bahagian pulau, Pulau Pinang dengan memfokuskan dua (2) komponen utama iaitu Sistem Analisis Video Pintar / *Intelligent Video Analytics* (IVA) dan Bilik Operasi Pintar / *Intelligent Operation Center* (IOC). Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat untuk tempoh tiga (3) tahun. Sebanyak 528 buah kamera CCTV telah dipasang di tapak dan akan digunakan untuk menganalisis kejadian (*incident*) supaya tindakan awal dapat diambil. Kamera-kamera ini juga akan digunakan untuk mengesan kesesakan lalu lintas, halangan dan gangguan kepada lalu lintas secara automatik. MBPP juga telah memasang sebanyak 10 unit alat pengesan paras air di dalam longkang di kawasan *hotspot* banjir untuk memantau paras ketinggian air di dalam longkang dan di atas paras jalan raya. Semasa hujan turun, paras ketinggian air di dalam longkang dapat dipantau di mana sistem akan memberi notifikasi dan amaran tentang ketinggian paras air di dalam longkang. Data-data yang dikumpul melalui sistem analisis ini dapat membantu

MBPP merangka pelan tindakan jangka masa pendek dan panjang untuk menangani masalah banjir dan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan pulau, Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri pada tahun 2016 telah memutuskan bahawa hala tuju Negeri Pulau Pinang adalah menuju ke arah Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa dengan tema "*Data is King, Talent is Everything*". Konsep Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang akan dibangunkan dengan mengutamakan infrastruktur ICT (*Information and Communication Technology*) sebagai kemudahan asas bandar. Konsep tersebut sejajar dengan transformasi digital dan revolusi industri 4.0 di peringkat global dengan menerapkan aspek mampan (*sustainable*) melalui tadbir urus dan inisiatif pintar oleh pelbagai jabatan dan agensi.

Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa, sebanyak lima (5) domain pintar telah dikenal pasti iaitu Komuniti Pintar (*Smart Community*), Persekitaran Pintar (*Smart Environment*), Mobiliti Pintar (*Smart Mobility*), Ekonomi Pintar (*Smart Economy*) dan Kerajaan Pintar (*Smart Government*).

Berdasarkan 5 domain tersebut, pelbagai pendekatan dan inisiatif Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi dan inisiatif Bandar Pintar yang dilaksanakan adalah bertambah dari masa ke semasa. Perincian inisiatif mengikut domain adalah seperti di **Lampiran A**.